

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
(WANGSA MAJU)**

**TARIKH : 11 OGOS 2020 ( SELASA )**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab pihak polis gagal untuk mematuhi perintah Mahkamah Persekutuan untuk menahan bekas suami M. Indira Gandhi, Muhammad Riduan Abdullah yang telah melarikan diri bersama anak perempuan, Prasana Diksa pada tahun 2009.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebaik sahaja Mahkamah Tinggi, Ipoh, Perak memberikan hak penjagaan ketiga-tiga anak kepada Puan Indira Gandhi pada 11 Mac 2010, pihak PDRM telah memulakan usaha mencari bekas suami Puan Indira iaitu Encik Patmanathan A/L Krishnan atau Muhammad Ridzuan bin Abdullah dan anak perempuan mereka yang dipercayai berada dalam jagaan Encik Muhammad Ridzuan pada ketika itu.

PDRM juga telah membuat semakan dengan rekod di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan telah membuat pemeriksaan di semua alamat yang pernah didiami oleh Encik Muhammad Ridzuan, namun didapati individu tersebut tidak lagi menetap di alamat-alamat tersebut.

## **NO. SOALAN : 38**

Selanjutnya, pihak PDRM melalui Ketua Polis Daerah Ipoh telah membuat siaran akhbar pada 29 April 2016 memohon bantuan masyarakat untuk mengesan Encik Muhammad Ridzuan dan anak perempuan mereka. Namun sehingga kini tiada pihak yang tampil memberikan sebarang maklumat.

Tuan Yang Di Pertua,

Encik Muhammad Ridzuan telah disenaraikan oleh pihak PDRM sebagai orang yang dikehendaki. Selain itu, permohonan Senarai Pekeliling Khas (SPK A) telah dibuat bagi memantau pergerakan keluar masuk keluar negara. Nama subjek juga telah disenaraihitamkan dalam rekod Jabatan Imigresen untuk mengesan serta menangkapnya jika dia cuba melarikan diri keluar negara.

Buat masa ini, berdasarkan siasatan pihak PDRM, dipercayai Encik Muhammad Ridzuan tidak berada di Malaysia serta tidak berada tetap di satu-satu tempat di luar negara tetapi bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam usaha menghalang daripada dikesan serta menyukarkan pihak berkuasa menjalankan siasatan.

Pihak PDRM juga menjalinkan kerjasama dengan pihak berkuasa negara jiran bagi mengenalpasti lokasi subjek. Pihak PDRM akan mengambil tindakan undang-undang berdasarkan peruntukan sedia ada sekiranya subjek pulang ke negara ini.